

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

TARIKH : 13.11.2014

SOALAN :

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan strategi Kementerian merealisasikan konsep sekolah wawasan yang kini masih pada peringkat percubaan di dalam sistem pendidikan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sekolah Wawasan adalah sekolah rendah yang berkonsepkan belajar bersama-sama dalam satu kawasan yang sama tanpa mengira kaum atau agama. Di bawah konsep ini, dua (2) atau tiga (3) buah sekolah rendah berlainan aliran akan ditempatkan dalam kawasan yang sama. Tiap-tiap buah sekolah akan mempunyai bangunan sendiri yang boleh disambung antara satu dengan lain dengan menggunakan jambatan penghubung (*link-way*).

Matlamat Sekolah Wawasan adalah:

- a) Mewujudkan perpaduan dalam kalangan murid-murid yang berbagai-bagai bangsa dan latar belakang.
- b) memupuk semangat integrasi antara pelajar dari pelbagai aliran.

- c) melahirkan generasi yang mempunyai sifat toleransi dan persefahaman yang tinggi demi mewujudkan sebuah negara yang bersatu padu.
- d) menggalakkan interaksi yang maksimum antara semua warga sekolah melalui perkongsian kemudahan sekolah dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti lain di sekolah.

Sekolah Wawasan yang diilhamkan oleh kerajaan merupakan wadah terbaik untuk memupuk perpaduan kaum bermula di peringkat awal persekolahan. Dengan adanya konsep Sekolah Wawasan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yakin kejayaan integrasi kaum boleh direalisasikan menerusi pelbagai aktiviti yang dilaksanakan secara bersama-sama dan berterusan yang menjadi salah satu alternatif untuk memupuk integrasi kaum. KPM berpandangan bahawa sistem persekolahan yang telah diamalkan sekarang wajar diteruskan.